

**Pasukan pencari Singapura kesan objek mencurigakan 100km dari pulau Tho Chu**  
**Malaysian Insider**  
**9 Mac, 2014**

Pasukan pencari Singapura mengesan objek mencurigakan terapung 100 kilometer selatan-barat daya pulau Tho Chu di Vietnam sewaktu unit mencari dan menyelamatkan negara itu dalam usaha mengesan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Wall Street Journal memetik koordinator berpangkalan di Vietnam sebagai berkata tentera Vietnam menghantar tiga kapal ke tempat kejadian dan kapal pertama dijangka tiba 7 petang waktu tempatan.

Pesawat Boeing 777-200ER milik MAS hilang bersama 239 penumpang termasuk 12 anak kapal pada awal pagi Sabtu ketika dalam perjalanan ke Beijing.

Tentera Vietnam terdahulu melaporkan dua tumpahan minyak berhampiran pulau sementara Agensi Penguakasaan Maritim Malaysia (APMM) turut menjumpai tumpahan minyak 20 batu nautika daripada kawasan pesawat dilaporkan hilang.

Penumpang warga China yang ketika itu melintasi kawasan berkenaan turut mengambil beberapa keping gambar yang dipercayai serpihan berhampiran pesawat MH370 terputus hubungan dengan menara kawalan.

Akhbar perniagaan itu turut melaporkan sepasukan penyiasat kemalangan udara Amerika Syarikat yang diketuai pakar Lembaga Keselamatan Pengangkutan Nasional (NTSB) dalam perjalanan ke Asia bagi membantu pesawat malang berkenaan.

Tentera Laut China melaporkan mereka menghantar dua kapal perang bagi membantu kerja mencari. Beijing sebelum ini menghantar satu kapal penyelamat dan dua kapal mencari dan menyelamatkan ke kawasan tersebut, menurut laporan media.

“Apabila lokasi pesawat dikenalpasti, peraturan kemalangan antarabangsa akan menentukan negara mana yang akan mengetuai siasatan,” kata NTSB.

Pengumuman NTSB isyarat terbaru menunjukkan minat warga antarabangsa membantu mempercepatkan untuk mengenalpasti punca Boeing 777-200 hilang di udara dalam keadaan cuaca baik.

“Pasukan itu yang terdiri daripada penasihat teknikal Boeing Co dan Unit Pentadbiran Penerbangan Persekutuan meninggalkan Amerika Syarikat pada Sabtu dan akan ditempatkan bagi memberi bantuan kepada pasukan senegara,” kata NTSB.

NTSB sepertinya tidak akan mengetuai siasatan lanjut yang lebih kompleks namun lembaga itu dapat memainkan peranannya dari segi mengaitkan kejadian peristiwa. China, Malaysia dan Vietnam kini sedang mencari tanda terdapatnya serpihan yang turut dibantu pihak Amerika Syarikat.

NTSB seperti dilaporkan sumber rasmi keselamatan udara memutuskan pada masa ini, pihak berkuasa penerbangan Amerika Syarikat dan pemerhati keselamatan memantau keselamatan

pesawat serta beranggapan kejadian berlaku disebabkan kemalangan berbanding ancaman penganas. – 9 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pasukan-pencari-singapura-kesan-objek-mencurigakan-100km-dari-pulau-tho-chu>